

02 JUN 2001

AGONG BERANGKAT KE MAJLIS JAMUAN DIRAJA

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Siti Aishah malam ini berangkat menghadiri majlis jamuan diraja sempena Ulangtahun Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda yang Ke-75 di Istana Negara.

Jamuan diraja itu dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isterinya Datin Seri Endon Mahmood.

Selepas santapan, Sultan Salahuddin bersama Tuanku Hajah Siti Aishah berkenan memotong kek diiringi oleh Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah.

Seri Paduka turut berkenan menghadiri persembahan Konsert Diraja.

-- BERNAMA

MUN HS LAT